

08 SEP 1998

DR MAHATHIR TEMUI PEMIMPIN UMNO MENGENAI ISU ANWAR

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini mengadakan perjumpaan tertutup dengan pemimpin-pemimpin Umno bagi menerangkan sebab-sebab pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam kerajaan dan parti.

Perjumpaan dengan wakil-wakil Umno Bahagian dari seluruh negara bermula kira-kira pukul 5.10 petang.

Perjumpaan yang diadakan di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra itu penuh sesak kerana Dr Mahathir dijangka menerangkan buat pertama kalinya mengapa tindakan ke atas Anwar dilakukan. Lebih 3,500 orang hadir.

Anwar, dipecat sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada Rabu lepas dan daripada Umno sehari selepas itu.

-- BERNAMA

nz sj